

NUS, NTU naik dua anak tangga dalam ranking varsiti terbaik

**NUS universiti terbaik
di Asia tiga tahun
berturut-turut**

KEDUDUKAN Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) telah meningkat dua anak tangga dalam senarai Universiti Sedunia Times Higher Education.

Menurut satu laporan *The Straits Times*, NUS menduduki tempat ke-22, sama dengan kedudukan Universiti Toronto di Canada, manakala NTU di tempat ke-52.

NUS juga disenaraikan sebagai universiti Asia terbaik buat tiga tahun berturut-turut dan satu-satunya dari Asia yang disenaraikan dalam kalangan 25 universiti terbaik tahun ini.

Penyenaraian Times – antara yang paling diperhatikan – menggunakan 13 petanda, termasuk penyelidikan, pemindahan pengetahuan kepada industri, dan ramalan antarabangsa bagi menilai sesebuah universiti.

Buat dua tahun berturut-turut, Universiti Oxford muncul sebagai universiti terbaik.

Kedudukan NUS dan NTU telah meningkat sejak 2012.

Pada tahun itu, NUS melonjak 11 tangga ke tempat ke-29, sementara NTU membaiki kedudukannya dengan naik

83 tangga ke tangga 69, berbanding yang dicapai pada 2011.

Mengulas, pengarah editorial penyenaraian Times, Encik Phil Baty, berkata NUS dan NTU telah menunjukkan prestasi yang melebihi universiti terkemuka di Amerika Syarikat tahun ini.

NUS mengatasi Universiti Carnegie Mellon di Pennsylvania, yang berada di tempat ke-23, sementara NTU pula mengatasi Universiti California.

“NUS telah mengukuhkan kedudukannya jika diukur dari segi 13 metrik prestasi Times Higher Education, bukan sebagai universiti nombor satu di Asia sahaja, malah sebagai antara universiti terbaik di dunia, sekali gus semakin mencabar institusi elit tradisional di Amerika Utara dan Eropah.

“Keputusan cemerlang itu menunjukkan apa yang boleh dicapai dengan adanya pemerintah yang sangat menyokong dan bersedia melabur untuk kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan, serta komitmen untuk menjadi benar-benar global dan menarik bakat antarabangsa, di samping kepimpinan dinamik dan berwawasan.

“Saya menjangka NUS akan terus cemerlang,” ujar Encik Baty.

Sementara itu, buat kali pertama sejak kaedah penyenaraian itu digunakan pada 2011, tiga universiti Asia berada di tempat 30 teratas.

Selain NUS, dua universiti dari China – Universiti Peking dan Tsinghua – masing-masing bergerak ke tangga ke-27 dan ke-30.